



SUARA PPSM

(PERSATUAN PEGAWAI SYARIAH MALAYSIA)

Keluaran Ke 3/2005

Berita dari London...

Sekalung Tahniah diucapkan kepada

Tuan Hj. Abdul Walid bin Abu Hassan (Presiden PPSM), **Tuan Hj. Nassir bin Abdul Aziz** (Pengarah Latihan JKSM) dan **Tuan Hj Mukhyuddin bin Hj Ibrahim** (HMTS Selangor) kerana telah terpilih mengikuti Kursus Bahasa Inggeris di Muslim College, London.

Ketiga-tiga Pegawai ini akan berada di sana selama 3 bulan mulai 23 April 2005 dan dijangka berakhir pada 25 Julai 2005.

Semoga Kursus ini memberi pendedahan dan pengetahuan yang luas kepada para Pegawai dan memberi impak yang besar pada Jabatan. Inshaallah.



KENAIKAN PANGKAT KE LS 52

Tahniah diucapkan kepada

-**Tuan Hj. Abdul Walid b. Hassan**, Penyelidik Kanan, JKSM bertukar ke Melaka sebagai Hakim Mahkamah Tinggi.

-**Tuan Mukhyuddin**, Hakim Mahkamah Tinggi Selangor bertukar sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan.

-**Tuan Mohd Shukur Sabuddin**, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban; dan

-**Tuan Saarani Ismail**, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di atas kenaikan pangkat ke 52 dan kekal di negeri masing-masing.

Setiausaha Baru PPSM Sesi 2005

Tahniah diucapkan kepada **Tuan Kamal Bashah bin Dato' Ahmad Tajuddin** kerana telah dilantik dengan kuasa Presiden untuk menyandang jawatan Setiausaha PPSM yang baru bagi menggantikan **Tuan Mohd Zamri bin Roslan** yang telah meletakkan jawatan kerana berpindah ke Melaka sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah Alor Gajah.

Perlantikan Setiausaha baru ini berkuatkuasa pada 9 April 2005.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Tuan Mohd Zamri di atas segala usaha dan bakti yang disumbangkan selama hampir 2 sesi. Semoga Allah jua yang dapat membalasnya.

Kepada Tuan Kamal, semoga PPSM bertambah maju di bawah pimpinan tuan.

Berita Pertukaran Pegawai

Puan Jazilah bt. Mohd Saud, Penolong Pengarah Latihan, JKSM bertukar ke Bahagian Penyelarasan Undang-undang, JAKIM pada 15 June 2005.

Tuan Abu Zaky bin Mohamad, Hakim Mahkamah Tinggi Melaka bertukar ke Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

Tahniah diucapkan kepada

Tuan Azhari bin Abdul Rahman, Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Pahang dan

Tuan Sallehuddin Abdul Rauf, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Bentong kerana dinaikkan pangkat ke LS 44. Selamat bertugas di tempat baru.

Tahniah

SELAMAT PENGANTIN BARU

kepada Pegawai Syariah yang baru mendirikan rumahtangga sekitar bulan Mei dan Jun iaitu

- **Puan Nenny Shuhaidah bt. Shamsuddin**, Exco PPSM (Pegawai Syariah di BBG Selangor)
- **Tuan Zulfahmi b. Bunaim**, Hakim MRS Johor ; dan
- **Puan Sofian bt. Ahmad**, Penolong Setiausaha Y (5 June 2005.)

Didoakan semoga rumahtangga yang dibina akan berkekalan hingga ke akhir hayat. Inshaallah.

PPSM mengucapkan Tahniah kepada

- *Pn. Mazlina Hussain (Penolong Setiausaha II)
- *Pn. Shazlina Ali (Pegawai Syariah BBG, N. Sembilan)
- *Pn Mazlina Jailani (Pegawai Sulh Selangor)
- *Pn. Ruzita Ramli (Pen. Pengarah Penyelidikan 1)
- *Tn. Khairul Anuar b. Ahmad (Hakim MRS H. Selangor)
- * Tn. Azmi Aziz (P. Sulh, MRS Shah Alam)

kerana dikurniakan **cahayamata**

TAHNIAH & SELAMAT MAJU JAYA
diucapkan kepada Pegawai Syariah yang telah
lulus PTK baru-baru ini.

XPDC MENDAKI GUNUNG KINABALU

PPSM akan menganjurkan satu Ekspidisi (Xpdc) mendaki Gunung Kinabalu pada 26-27 Ogos 2005 sempena Persidangan Tahunan Pegawai Syariah di Sabah pada 22-25 Ogos ini.

Sebelum itu kami ingin memohon kemaafan dari pihak tuan-tuan kerana tempat penginapan semasa mendaki amat terhad kerana permintaan semasa cuti sekolah amat tinggi. Kesulitan ini amat kami kesali.

Pihak urusetia telah menerima banyak penyertaan dari Pegawai Syariah seluruh Malaysia dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan anda dalam menjayakan aktiviti Persatuan.

Adalah diharapkan agar XPDC ini akan berjalan lancar sepertimana yang dirancang.

TAKZIAH & AL FATIHAH

Dari Allah kita datang kepada Allah jua kita kembali. Sekitar bulan Februari hingga Jun, 2005 kita banyak mendengar berita kematian ibu, bapa atau suami kepada ahli-ahli Persatuan. PPSM mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan TAKZIAH kepada:-

- * **Puan Jazilah bt. Saud** (Pegawai Syariah di Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, JAKIM)
- * **Puan Laila Busyra bt. Hassan** (Pen. Pendaftar Jenayah, JKSM).
- * **YAA Dato' Ismail b. Yahya** (KHS Terengganu)
- * **Tn. Hj. Abdul Kader b. Hj. Mohamed**, (HMR Kuala Kangsar)
- * **YAA Dato' Sam bin Ojeh** (KHS Sarawak)
- **Puan Nadiyah Khamis** (P. Sulh MRSB Shah Alam)

Semoga roh Allahyarham dan Allahyarhamah ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman, AMIN.

Ruangan Baru....

Suara PPSM mulai ke-
luaran ini akan menambah
ruangan baru iaitu WACANA MINDA sepertimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Exco PPSM pada 28 Mei 2005.

Antara objektif ruangan ini ialah

1. memberi peluang kepada Pegawai Syariah seluruh Malaysia menyumbangkan artikel berbentuk ilmiah untuk dikongsi bersama
2. Mencungkil bakat terpendam Pegawai Syariah dalam bidang penulisan akademik.

Adalah diharapkan dengan cara ini Suara PPSM akan lebih bermanfaat dan memberi pengetahuan yang luas kepada seluruh Pegawai Syariah amnya dan kepada masyarakat luar khususnya.

Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan mempunyai artikel bolehlah diemailkan kepada Puan yuhanis bt. Yusop (amanja_76@yahoo.com). Karya-karya dari tuan-tuan amat dialu-alukan.

Ingatan pening

YURAN PERSIDANGAN

- Jusa A- RM 500.00 - LS 54 - RM 150.00
- Jusa B- RM 300.00 - LS 52 - 48 - RM 100.00
- Jusa C- RM 200.00 - LS 44 - 4T - RM 50.00

- Kutipan yuran akan dibuat semasa pendaftaran
- Kutipan Yuran ini bagi menampung kos menyediakan baju T-shirt dan gambar persidangan.
- Sila bawa Kertas Kerja Persidangan yang telah dibekalkan oleh Jabatan/ Mahkamah masing-masing.

TAJUK: KITAB-KITAB RUJUKAN MAZHAB SYAFIE

Penulis: Tuan Muhammad Azhari bin Abdul Rahman
Pendaftar Mahkamah Syariah Pahang

1. PENGENALAN

Terdapat 2 buah kitab asal al-Imam al-Syafie iaitu al-Hujjah dan al-Umm.

i. **Al-Hujjah:** Ditulis ketika di Baghdad antara tahun 195-197 H (Qaul Qadim). Method penulisan kitab ini dan juga lainnya tidak dapat dipastikan secara jelas kerana nuskah asal tidak ditemui. Dipercayai ditulis berdasarkan cara soal jawab dan berkisar sekitar pertentangan antara mazhab dalam beberapa masalah fiqh. Qaul Qadim ini diriwayatkan oleh 4 orang ulama' Iraq (yang masyhur) iaitu Imam Ahmad Hanbal (W241H), Abu Thaur, Ibrahim Bin Khalid (W240H), Al-Zafarani (260H) dan Al-Karabisi (245H). Riwayat yang paling baik ialah riwayat Al-Zafarani.

ii. **Al-Umm:** Ditulis ketika di Mesir (Qaul Jadid). Method penulisan Kitab ini agak berbeza sekalipun terdapat perbahasan mengenai pertentangan pendapat fiqh. Penerimaan atau penggunaan qias sebagai sumber hukum jelas dalam kitab ini. Dari sudut lain beliau juga memberi perhatian lebih terhadap Hadis-Hadis Rasulullah. Perawi-perawi terkenal mazhab Jadid ini ialah al-Muzani, Ismail Bin Yahya (264H), al-Buwaiti Yusuf Bin Yahya (231H), Al-Rabik Bin Sulaiman al-Muradi (270H), Al-Rabik al-Jizi (256H) melalui ulama' inilah kitab-kitab al-Syafie seperti al-Umm, al-Risalah dan lain-lain sampai ke tangan kita.

Dari al-Buwaiti lahirnya *Muhtasar al-Buwaiti*. Dari Al-Muzani lahirnya *Muhtasar al-Muzani*. Namun begitu Al-Rabik Al Muradi adalah orang paling banyak meriwayatkan Qaul Jadid ini sehingga Imam Syafie sendiri berkata *al-rabi` riwayat*.

Qaul yang muktamad ialah Qaul Jadid, kerana Imam Syafie menariknya balik (Qaul Qadim) dengan berkata, *"aku tidak membenarkan orang yang meriwayatkannya daripadaku."* Namun begitu ada lebih kurang 17 masalah terkecuali. Namun jika terdapat nas-nas sahih (hadis) yang menyokong pendapat lama maka itu adalah dibenarkan dan itulah Mazhab Syafie. Imam Syafie berkata: *"Jika sah sesuatu hadis maka itulah mazhabku, maka buanglah pendapatku."* Imam Nawawi berpandangan bahawa penolakan Qaul Qadim hanyalah atas dasar kebanyakan kes (aghlab) bukan kesemuanya. Dasar penolakan Qaul Qadim dan Qaul Jadid mestilah dilihat samada berlaku konflik, jika sebaliknya tidak perlu kepada penolakan Qaul Qadim.

Kitab-kitab yang menjadi aliran utama dalam mazhab ini ialah al-Umm, al-Imlak, Mukhtasar al-Buwaiti dan Muhtasar al-Juwaini.

Muhtasar oleh al-Muzani ialah al-Muhtasar al-Kabir, ia dikenali sebagai *al-Mabsut* dan al-Muhtasar al-Saghir. Kitab di atas diringkaskan oleh al-Imam al-Haramain al-Juwaini dan diberi nama *al-Nihayah*. Al-Nihayah diringkaskan pula oleh al-Imam al-Ghazali kepada *al-Basit*, kemudian *al-Wasit*, *al-Wajiz* dan *al-Khulasah*.

al-Wajiz disarahkan pula oleh Imam al-Rafie diberi nama *al-Fath al-Aziz*, diringkaskan lagi oleh Imam al-Nawawi dikenali sebagai *Raudhah al-Tolibin*, diringkaskan pula oleh anak muridnya Ibnu al-Muqri kepada *al-Rawd*.

al-Wajiz juga diringkaskan oleh Imam al-Rafie dikenali sebagai *al-Muharrar*, yang kemudiannya diringkaskan oleh Imam al-Nawawi sebagai *Minhaj al-Tolibin*. Dari kitab Minhaj ini banyak lagi kitab-kitab lain yang terbit darinya, kalau tak salah ingatan lebih dari 20 buah kitab (samada dalam bentuk syarah atau ringkasan). Antaranya kitab *al-Mughni al-Muhtaj*, *al-Manha (al-Ansari)*, *al-Nahj (al-Jauhari)* dan lain-lain.

Menurut riwayat ahli sejarah bahawa kitab-kitab yang disusun galurkan oleh sahabat al-Syafie terbahagi dua;

1. Kitab-kitab yang dikatakan ditulis oleh al-Syafie sendiri (al-Risalah, al-Umm dll)
2. Kitab-kitab dikatakan kitab para sahabat al-Syafie.

Muhammad Abu Zahrah (1974): adalah tidak diragukan bahawa kitab-kitab kumpulan kedua adalah hasil tulisan sahabat-sahabat beliau yang meringkaskan pendapat-pendapatnya.

Seterusnya al-Syafie dalam penulisan merujuk kepada beberapa kitab-kitab terdahulu antaranya menurut Ibnu Hajar ialah Kitab Sufyan bin Uyainah, Yahya bin Hasan dan lain-lain.

Setelah kewafatan beliau mazhab berkembang dan terbahagi dua aliran utama iaitu aliran Iraqiyiin dan Kurasniyyin.

Aliran Iraqqiyin (Baghdad) lebih cenderung dengan Qaul Qadim dan antara tokoh-tokohnya ialah:

Al-Mawardi (450H), al-Tabari (450H), al-Bandaniji (425H), al-Syirazi (447H), Salim al-Razi (447H).

Kitab: *Al-Hawi al-Kabir*, *Al-Isyarat dan Al-Muhazzab*.

Aliran Khurasan ialah antaranya:

Abu Muhammad al-Juwaini (bapa Imam al-Haramain 438H), al-Faurani, Ab Rahman Bin Muhammad bin Ahmad al-Mirwazi (461H), al-Qadhi Hussain bin Muhammad bin Ahmad al-Maruruzi (462H).

(Penulis Kitab al-Ibanah), al-Maruruzi (penulis Kitab al-Ta'liqah), Abu Ali al-Mirwazi dan al-Mas'udi.

Imam al-Nawawi membuat komentar antara dua aliran ini; golongan Iraq lebih baik dan tepat dari segi menyebarkan teks dan fatwa dan usul mazhab manakala golongan Khurasan lebih kemampuan dari segi penyusunan dan pengumpulan mazhab.

Menurut Muhammad al-Zuhaili (*Dean Kulliyah Syariah UAE*), selain dari golongan tersebut ada juga yang tidak terikat dengan mereka antaranya; Abu Bakar al-Shasi dan Ibnu al-Sibagh, malah Imam al-Haramain dan Imam al-Ghazali sendiri malah kemudian diteruskan oleh al-Nawawi sendiri. Golongan inilah menyumbang ke arah tahrir wa tanqih. Usaha ini dipelopori oleh dua Imam iaitu al-Rafie dan al-Nawawi.

Sebenarnya banyak juga masalah fiqh yang berbeza dua aliran ini antaranya tentang fatwa sahabat, air sedikit yang terkena najis, ukuran dua kolah, berwuduk air yang zan terkena najis, masalah zakat unta yang belum sampai 25 ekor.

Aliran gabungan (golongan ketiga) berterusan sehingga ke zaman pentarjihan mazhab (usaha tahrir dan tanqih).

Antara kitab popular golongan pertama ialah *al-Muhazzab* oleh al-Syirazi dan *al-Wasit* oleh al-Ghazali bagi golongan ketiga (gabungan). Namun al-Muhazzab ini kelemahannya tidak membuat pentarjihan walaupun berhadapan dengan dua fatwa bertentangan. Dan apabila al-Syirazi membuat pentarjihan selalunya bertentangan dengan fatwa al-Syafie sendiri.

2. ZAMAN PENTARJIHAN (PENYUNTINGAN)

Sebagaimana maklum ulama' Mutaqadimin berpegang pada Qaul muktamad dalam mazhab ialah dari Kitab al-Nawawi dan al-Rafie. Apabila keduanya bertembung maka diutamakan pandangan al-Nawawi (676H). Kedua tokoh ini adalah kesinambungan ulama' al-Syafie yang mengabungkan dua aliran yang berbeza di atas.

Kita sedia maklum (lihat posting awal) al-Rafie adalah pengarang kitab *al-Muharrar* dan juga membuat kupasan

kepada kitab *al-Wasit* yang dinamakan **Syarh al-Kabir dan Syahr al-Saghir**. Manakala al-Nawawi sebagaimana maklum memang banyak kitab yang ditulis dan kitab-kitabnya menurut i'timad dalam mazhab ialah:

1. *Al-Tahqiq*
2. *Al-Majmuk Syarh al-Muhazzab*
3. *Raudhah al-Tolibin*
4. *Minhaj al-Tolibin*
5. *Al-Minhaj Syarh Sohih Muslim*
6. *Tashih al-Tanbih*

Al-majmuk Syarh al-Muhazzab

al-Majmuk ialah Syarh kepada matan al-Muhazzab oleh al-Syirazi. Kitab ini tidak sempat ditulis kerana beliau telah meninggal dunia. Kitab ini kemudiannya disambung oleh al-Subki (765H). Dari kitab *al-Buyu'* hingga riba, kemudian wafat, dan disempurnakan oleh Muhammad Najib al-Mutie (dari Bab bai al-murabahah hingga selesai). Jelasnya bab awal hingga sembilan al-Nawawi, bab 10 hingga 11 al-Subki dan 12 hingga selesai al-Mutie. (saya teringat dalam satu kelas oleh Dr. Mat Saat Abd Rahman (UKM) menceritakan tentang usaha guru beliau al-Mutie ketika menghasilkan kitab ini).

Mengikut Prof Madya Dr. Mat Saad, tulisan al-Mutie ini menyamai dan sukar dibezakan dengan tulisan al-Nawawi sebelumnya. *Kitab al-Minhaj al-Tolibin* adalah ringkasan dari al-Muharrar karangan al-Rafie sendiri. Tetapi terkadang al-Nawawi menentang sendiri pandangan al-Rafie. Kitab *Raudhah al-Tolibin* pula ialah ringkasan dari Kitab al-Syarah al-Kabir oleh al-Rafie.

Mengikut Prof Madya Dr. Mat Saad, tulisan al-Mutie ini menyamai dan sukar dibezakan dengan tulisan al-Nawawi sebelumnya. *Kitab al-Minhaj al-Tolibin* adalah ringkasan dari al-Muharrar karangan al-Rafie sendiri. Tetapi terkadang al-Nawawi menentang sendiri pandangan al-Rafie. Kitab *Raudhah al-Tolibin* pula ialah ringkasan dari Kitab al-Syarah al-Kabir oleh al-Rafie.

3. ZAMAN KEMANTAPAN MAZHAB SYAFIE

Pada zaman tersebut aliran Syafiiyah ini melahirkan beberapa ulama' terkemuka yang menjadi rujukan utama, antaranya Imam Zakaria an-Ansari (926H), al-Khatib al-Syarbini (977H), al-Shihab al-Ramlei (970H), Ibnu Hajar al-Haitami (973H), Muhammad bin Ahmad al-Ramli (1004H) (dikenali dengan gelaran Syafie Shogir).

Ke semua tokoh tersebut menjadikan kitab-kitab Imam al-Rafie dan al-Nawawi sebagai bahan utama tulisan mereka samada sebagai muhtasarat (ringkasan), syuruh (syarah), taqirrat (pengamatan) dalam undang-undang sekarang dikenali sebagai *al-Muzakkirah al-Idhahiyah*, Hawasyi (komentar) (sedikit kupasan mengenai penggunaan perkara tersebut akan dibincangkan kemudian).

Imam Zakaria an-Ansori umpamanya meringkaskan Minhaj al-Tolibin ke dalam kitabnya *Manhaj al-Tullab*, Khatib al-Syabini membuat syarah dalam Kitabnya *Mughni al-*

Muhtaj, Jamal al-Ramli dalam *Nihayah al-Muhtaj* dan Ibnu Hajar dalam *Tuhfah al-Muhtaj* (senarai penulis dan nama penuh Kitab yang bersumberkan dari Minhaj al-Tolibin akan diberi kemudian). Di samping membuat ulasan, ada

juga mereka berijtihad yang bertentangan dengan pandangan al-Nawawi dalam kitab-kitab mereka.

Maka setakat itu rasanya jelas tentang susur galur, tentang kitab-kitab rujukan dalam mazhab al-Syafie, cumanya apakah fatwa yang menjadi sandaran rasmi? Kitab mana yang menjadi rujukan utama? Dan apakah kaedah pentarjihan yang perlu diikuti dalam konteks ini?

Pegangan ulama' terdahulu memegang qaul muktamad ialah kitab al-Nawawi dan al-Rafie, dan jika berlaku pertentangan al-Nawawi diutamakan. Kitab al-Rafie yang dirujuk khususnya kitab *fath al-Aziz Syarh al-Wajiz lil al-Ghazali*.

Dikalangan ulama' mutaakhirin menjadikan sumber pegangan mazhab yang utama ialah:

Ulama' Mesir memegang Qaul Muhammad bin Ahmad al-Ramli, Kitabnya *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarah al-Minhaj*. Kitab ini telah dibaca, diteliti dan diperkemas oleh lebih 400 orang ulama' Syafie, lalu dikatakan mencapai had tawatur dalam kebenaran kandungan mazhab al-Syafie.

Ulama' Hijaz, Syam (termasuk Jordan, Syria, Lubnan, Palestin) Yaman, Hadramaut dll, mereka memegang Qaul Syekh Ibnu Hajar al-Haitami khususnya dalam Kitab *Tuhfah al-Muhtaj bi Syah al-Minhaj*.

Menurut Syekh Alawi al-Saqqaf (Majmuk Sabaah Kutub al-Mufidah m/s 38), sekiranya berlaku pertembungan antara Ibnu Hajar dan Al-Ramli sekiranya mufti di kalangan ahli tarjih, maka bolehlah ditarjihkan mana pandangan antara keduanya, kiranya tidak, mestilah melihat pada penyoyal (berilmu atau awam) lalu ditarjihkan pandangan berdasarkan latar belakang penyoyal.

Ada juga apabila masalah tidak ditarjihkan apabila berlaku pertembungan antara keduanya (Nihayah al-Muhtaj dan Tuhfah), maka penyelesaian seperti berikut;

1. Merujuk pandangan Zakaria al-Ansari
2. Kemudian al-Khatib al-Syarbini,
3. Hasyiah al-Ziadi,
4. Hasyiah Ibnu Qasim
5. Hasyiah `Amirah ala Syah Jalaluddin, al-Barlisi (957H).

Apapun sumber semua penulisan dari yang satu, lihatlah susur galur kitab-kitab tersebut. Ianya tidak menjejaskan

langsung mazhab al-Syafie kerana semua penulisan kitab pada setiap peringkat mempunyai ikatan dan pertalian. Ke semuanya balik semula merujuk kepada pengasas mazhab itu sendiri al-Imam al-Syafie (150H-204H).

Maka dapatlah dibuat kesimpulan kitab-kitab menjadi pegangan utama ulama terkemudian secara garis kasarnya ialah al-Majmuk, Fath al-Aziz, Nihayah al-Muhtaj dan Tuhfah al-Muhtaj.

Berikut senarai kitab-kitab utama yang telah disusur galurkan dulu (sebahagian) yang menjadi rujukan dan tumpuan ulama' setiap zaman:-

1. *al-Umm*, Imam al-Syafie r.a
2. *Al-Wajiz*, Imam al-Ghazali.
3. *Fath al-Aziz*, Imam al-Rafie.
4. *al-Majmuk* dan semua kitab-kitabnya, Imam al-Nawawi.
5. *Tuhfah al-Muhtaj*, Ibnu Hajar al-Haitami.
6. *Nihayah al-Muhtaj*, al-Ramli.
7. *al-Hawi al-Kabir*, al-Mawardi
8. *Tuhfah al-Tullab*, al-Ansari,
9. *Mughni al-Muhtaj*, al-Syarbini.
10. *al-Iqna'*, al-Syarbini.
11. *al-Muhazzab*, Imam Ishaq Ibrahim Bin Ali al-Syirazi.
12. *al-Tanbih*, al-Syirazi.
13. *Khasiah al-Bajuri*, al-Bajuri.

4. PENGGUNAAN ISTILAH-ISTILAH

Pertemuan kali ini kita meneliti pula istilah-istilah yang sering kita jumpa dalam kitab-kitab tersebut. Istilah ini penting dalam memahami kandungan kitab tersebut. Semasa di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), istilah ini diterangkan dengan panjang lebar oleh Allahyarham Ustaz Muhammad Abu Bakar dalam kursus Legal Text.

Bila sebut perkataan *Qaul* khususnya digunakan pada pendapat Syafie sendiri.

Manakala *Wajih* merujuk kepada Fuqaha' Mazhab al-Syafie.

1. **al-Azhar**: Pandangan yang lebih kuat daripada dua pandangan atau lebih dari Imam al-Syafie, iaitu apabila berlaku perselisihan antara pandangan tersebut yang sama berdiri atas dalil yang kuat. Bagi mentarjih antara dua pandangan seumpama ini disebut al-Azhar (lebih mudah disebut). **Pendapat Imam Syafie yang lebih kuat dinisbahkan pada pendapatnya yang lain yang juga kuat.** Lawannya disebut **Zahir**.
2. **al-Masyhur**: **Tarjihan dari dua pandangan Imam Syafie yang kuat dinisbahkan pada pandangannya yang lain yang lemah.** Lawannya **Gharib**.
3. **Al-Asah**: **Pendapat fuqaha' al-Syafie yang dikeluarkan mengikut kaedah Imam Syafie dinisbahkan**

kepada pendapat mereka yang lain yang juga kuat. Lawannya **Sahih**.

4. **al-Sahih**: iaitu **pandangan yang benar dari pelbagai pandangan ulama' mazhab**. Lawannya ialah **Dhoif**.

*(al-asah dan al-Sahih adalah merujuk kepada dua wajah atau beberapa wajah dari kalangan ulama' mazhab). Penjelasan mengenai ashab al-Wujuh akan dibuat kemudian.

5. **al-Nas**: Pendapat Imam al-Syafie (selalu disebut dalam kitab al-Syafie, dinamakan al-nas kerana ianya dimarfukan kepada Imam al-Syafie, yakni dari kalamnya).

6. **al-Mazhab**: ialah dua jalan atau beberapa jalan iaitu perbezaan pendapat tokoh-tokoh mazhab dalam menceritakan pendapat mazhab. Di namakan al-Mazhab kerana ianya menjadi fatwa dalam mazhab. (lebih mudah dikatakan: Pandangan yang rajih ketika wujud ikhtilaf ulama' ulama' ashab al-wujuh.)

7. **al-Tahkrij**: iaitu Imam Syafie menjawab dengan 2 hukum yang berbeza dalam dua bentuk soalan yang hampir serupa. Tidak jelas perbezaan antara keduanya (tetapi setengah kitab menyatakan pandangan seumpama ini tidak dinisbahkan kepada Imam al-Syafie (lihat Mughni al-Muhtaj Jilid 1)

8. **Qaul Jadid**: fatwa semasa di Mesir (Imam al-Syafie)

9. **Qaul Qadim**: fatwa semasa di Baghdad.

10. **Istilah pandangan Dhoif**.

- a. Qiila Kaza
- b. Fi qauli kaza
- c. ruwiya

Istilah istilah lain:

1. Syaikh: Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafie.
2. al-Qadhi: Qadhi Husain.
3. al-Qadhiyan: al-Mawardi dan al-Ruyani.
4. al-Imam: Imam al-Haramain
5. al-syukh: al-Nawawi, al-Rafie, al-Subki.
6. Dalam al-Iqna' dan Mughni Muhtaj ada menyebut `syekh'~ merujuk pada al-Ramlie.
7. Syekhul al-Islam: Imam Zakariya al-Ansori.
8. Hujjah al-Islam: Imam al-Ghazali.

5. ASHAB AL-WUJUH DALAM PERANANNYA MENTARJIKAN FATWA-FATWA MAZHAB

Menurut Muhammad Abu Zahrah, kita masih lagi dapat melihat (baca) wujudnya mujtahid mutlak di dalam mazhab hinggalah sesudah perasaan taqlid kepada imam-imam mazhab menguasai para ulama' di abad ke-empat hijrah dan kewujudan ini berlanjutan hingga ke abad ke

tujuh hijrah. Selepas zaman tersebut kemungkinan mereka ini wujud tetapi mereka tidak disebut oleh ahli sejarah. Merekalah orang-orang yang mengemaskinkan pertumbuhan dan perkembangan mazhab itu, mengistinbatkan hukum-hukum furuk berdasarkan usul, mengamati ragam pelbagai pandangan, dan memilih mana-mana yang rajih di antaranya menurut pandangan mereka. (Muhammad Abu Zahrah, al-Syafie 1948).

Siapakah **Ashab al-Wujuh**? Golongan ini dinamakan mujtahid al-Mazhab atau mujtahid kepada mazhab Syafie. (Lihat Muhammad Hassan Hitu, *al-Ijtihad wa ta-baqat mujtahi al-Syafie*). Sebahagian dari ashab al-Wujuh ini pernah bersama Imam Syafie seperti al-Buwaiti, Yunus, al-Rabi` dan lainnya. Manakala sebahagiannya tidak pernah bersama Imam Syafie tetapi pernah bersama dengan sahabat-sahabat Imam Syafie seperti al-Anmati, Ibnu Khairan, Ibnu Abi Hurairah, al-Sairafi. Ada antara mereka yang banyak memberi pandangan seperti Ibnu Surayj, Abu Ishaq al-Mirwazi, Ibnu al-Haddad, al-Shasi. Terdapat juga yang kurang memberi pandangan seperti al-Salusi (Abu Bakar), Abu Abd Rahman al-Qazzaz. Lain lain tokoh seperti Abu al-Taib bin Salamah al-Baghdadi, Abu Said al-Istakhari. Pandangan-pandangan Ashab al-Wujuh ini ada dikumpulkan oleh al-Rafie dan al-Nawawi dalam al-Sharh al-Kabir dan Raudhah al-Tolibin. (ibid. m.s 47)

Secara umumnya ashab al-wujuh ialah mereka yang berkemampuan untuk melakukan qias dalam perkara-perkara yang tidak dibincangkan oleh Imam al-Syafie, dengan merujuk kepada apa yang telah dinyatakan oleh Imam al-Syafie (nas) atau memasukan kes-kes baru di bawah kaedah-kaedah umum Imam al-Syafie. Mereka selalunya akan memberi fatwa dalam kes-kes baru berdasarkan penelitian ke atas usul dan kaedah imam al-Syafie. Dalam fatwa-fatwa mereka ini kemungkinan akan wujud perbezaan pandangan dengan pandangan Imam dalam beberapa wujud walaupun pendapat yang berbeza itu terlalu sedikit.

Ulama' juga telah membincangkan adakah takhrij atau fatwa mereka pada kes yang baru berdasarkan penelitian kepada teks fatwa Imam Syafei boleh dinisbahkan kepada Imam al-Syafie ataupun ianya hanya dinisbahkan pada ulama' takhrij sahaja?

Imam al-Syirazi menyatakan beliau tidak bersetuju dengan pandangan yang menisbahkan pada imam, di mana beliau menyatakan fatwa (wajah) tidak boleh dinisbahkan pada Imam al-Syafie. (lihat al-Syirazi, *Tabsirah fi Usul al-Fiqh*, taaliqah oleh Hassan Hitu, Dar al-Fikr, Damsyiq, m.s 517).

Pandangan tersebut disokong oleh Ibnu Solah dan Imam al-Nawawi. Walagaimanapun ianya (fatwa tersebut) diterima sebagai sebahagian dari mazhab al-Syafie (bukan pandangan mazhab) selama mana ianya diambil dan dipetik berdasarkan nas dan usul Imam al-Syafie.

Permasalahan yang timbul ialah dalam keadaan di mana Imam Syafie sendiri mempunyai dua fatwa yang berbeza, bagaimana keadaannya?

agar ianya dimanfaatkan untuk diri saya dan kaum muslimin dan saya mengharapkan kerelaannya bagi diri ,orang yang saya kasihi serta kaum mukminin ke semuanya”

*MINHAJ AL-TOLIBIN SATU PENILAIAN

Dalam preamble Kitab Nihayah al-Muhtaj, pengarangnya Imam al-Ramli menukulkan kata-kata berikut mengenai al-Nawawi dan Minhajnya;

Ia adalah sebuah tulisan hasil karya beliau (al-Nawawi) yang amat tinggi nilainya di bidang ringkasan. Penghasilannya memang wajar direnjis dengan titisan airmata, itulah minhaj yang belum ada bandingannya.

Dalam beberapa ulasan ulama'-ulama' dapat disimpulkan keistimewaan kitab itu berasaskan dari beberapa aspek:

- Merupakan kitab yang dapat memberi maklumat asas memahami mazhab (al-Syafie) menurut pendapat yang rajih dari Imam Mazhab dan fuqaha`nya.
- Susunan kemas dengan bahasa yang menarik dan mudah di fahami
- Padat kandungannya dengan segala macam persoalan meliputi semua bab.
- menampakkan pengarangnya seorang yang faqih, mempunyai pandangan yang luas dan penguasaan ilmu yang menyeluruh.

Kemasyhuran yang begitu hebat mendorong ulama'-ulama' lain berusaha menggali kekayaan isinya dengan berbagai gaya usaha seperti memberi huraian pada matannya, meringkaskannya, mengumpul istilah-istilahnya dan berbagai usaha yang lain.

Method penulisan Minhaj berbentuk ringkasan, iaitu ringkasan dari kitab al-Muharrar tulisan al-Rafie. Jelasnya Minhaj bukanlah hasil karya sepenuhnya al-Nawawi tetapi merupakan ringkasan kitab asal (al-Muharrar) dengan beberapa perubahan seperti menukar ganti perkataan ganjil yang kurang tepat maksud dengan perkataan yang lebih jitu dan jelas, memerhatikan kepada beberapa qaid yang pada asalnya tidak terdapat di dalam beberapa masalah, menjelaskan pertentangan antara dua qaul, dua wajah, dua aliran dan peringkat pertentangan dalam semua keadaan, memasukan beberapa masalah baru (tambahan ini dapat dilihat jika al-Nawawi menyebut `qultu` dan di akhir dengan **wallah u a`lam**) dan berbagai lagi perkara lain.

Keseluruhan kitab ini dimuatkan di dalam 70 kitab mengandungi 51 bab, 212 fasal, 5 furu` dan satu masalah tambahan. Di akhir tulisan pengantar kitab itu, al-Nawawi berdoa antara lain disebut: "Saya memohon

Akhirnya jadilah Kitab ini melebihi dari Kitab asalnya, mungkin juga kerana mustajabnya doa Imam Nawawi disamping beliau sememangnya dijadikan oleh Allah seorang insan yang hebat dan istimewa.

Syarah Minhaj

- Ali bin Abd al-Kafi, al-Syaikh Taqiyuddin al-Subki (756H) Kitab *~al-Ibtihaj`*, sempat di tulis hingga bab Talak dan disambung oleh anaknya Ahmad bin Ali, Bahaudin dan Abu Hamid.
- Muhammad al-Ayati (850H).
- Jalaludin al-Mahaqi, *`Kanz al-Raghibin Sayrh Minhaj al-Tolibin`* (864H).
- Ibnu Mulkan (804H), *`Umdat al-Muhtaj`*.
- al-Asnawi al-Misri (9772H), *`al-Furu`*.
- al-Bulqini (80H), *`Tashih al-Minhaj`*
- al-Suyuti (911H), *`Durrah al-Taj Fi l`rab Musykil al-Minhaj`*
- al-Ansori (926H), *`Fath al-Wahab~*, *`Minhaj al-Tillab`*,
- al-Syarbini (977H), *`Mughni al-Muhtaj`*; dan ramai lagi sebenarnya yang membuat syarah.

Hasyiah

- al-Qalyubi al-Misri menghuraikan kitab *`kanz al-Roghibin`*
- Ahmad Ab. Razaq membuat hasyiah ke atas *Nihayah al-Muhtaj`*

Ringkasan

- al-Dalusi (745H), *`al-Wahhaj fi ikhtisar al-Minhaj`*.
- Muhammad bin Abdullah, Abu Fadl (876H), *al-Taj fi Zawaid al-Raudah ala Minhaj wa tahrir`*.
- Ahmad Zaini Dahlan, *Tanbih al-Ghafilin`*

Syair

- al-Suyuti, *al-Ibtihaj`*.
- al-Tuhki, tiada nama kitab.

Bentuk Nukhat (gubahan halus)

- al-Bulqini, tiada nama kitab.
- al-Bakri, *'ala hadis al-muhadharat`*.(Wallahu Taala a`lam.)

Selesai penulisan dengan izin Allah, mudahan ada manfaatnya untuk diri saya dan rakan-rakan sekalian. Apa yang dinukilkan dan dirujuk serta diambil segala isi dan ilmu telah dinyatakan maraji`